



ISI KANDUNGAN

Perutusan Yang Dipertua	2
Ringkasan Eksekutif	3
Sejarah Ampang	4
Sejarah Penubuhan MPAJ	4
Kedudukan dan Keluasan Kawasan Pentadbiran MPAJ	5
Pengenalan dan Latar Belakang	6
Carta Organisasi MPAJ	7
Fungsi dan Peranan MPAJ	7
Punca Kuasa	8
<i>Stakeholder</i> dan Pelanggan	10
Visi MPAJ	10
Misi MPAJ	11
Moto MPAJ	11
Nilai - nilai Bersama	12
Teras Strategik dan Cabaran Strategik	13
Pelaksanaan Program Strategik di MPAJ	27
Pemantauan dan Pengukuran Prestasi Program	
Strategik di MPAJ	27
Penilaian Program Strategik di MPAJ	28
Perancangan Masa Hadapan	28
Penutup	29



PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah kerana dengan izin-Nya Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dapat menerbitkan Pelan Strategik MPAJ 2015-2020 pada tahun ini. Pelan strategik ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik MPAJ 2010-2014. Sesungguhnya setiap perancangan perlu mempunyai kesinambungan agar Ampang Jaya menjadi bandar yang mampan.

Pelan Strategik ini merupakan usaha berterusan MPAJ bagi merangka hala tuju dan strategi baru bagi memacu tindakan yang tepat dan jitu berhubung segala aspek pentadbiran MPAJ serta pembangunan di kawasan Ampang Jaya. Ini secara langsung memaksimumkan segala sumber yang dimiliki untuk digembleng dalam usaha menjadikan MPAJ organisasi yang gemilang.

Bagi menjayakan pelan strategik ini, adalah diharapkan semua pihak yang berkaitan dapat memberi sokongan padu dalam memastikan visi, misi dan sasaran yang ditetapkan tercapai. Sesungguhnya sokongan padu semua pihak adalah kunci utama terhadap kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik MPAJ 2015-2020.

Semoga dengan adanya pelan strategik ini dapat menjadi rujukan dan panduan kita dalam usaha mengharungi segala cabaran dan halangan mendatang agar MPAJ tidak menyimpang daripada landasan sebenar.

Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyediakan dan menyiapkan Pelan Strategik MPAJ 2015-2020.

TUAN HAJI ABD HAMID BIN HUSSAIN AIS, PPT, PPC.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA





RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik MPAJ 2015-2020 adalah merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik MPAJ 2010-2014 yang lalu. Dokumen ini adalah merupakan rujukan utama kepada hala tuju MPAJ bagi tempoh enam (6) tahun akan datang dalam usaha mencipta dan membentuk budaya kerja cemerlang dan identiti organisasi terbilang.

Pelan strategik ini mensasarkan perbandaran Ampang Jaya sebagai sebuah perbandaran makmur yang mengutamakan pembangunan selesa dan sejahtera menjelang tahun 2020. Bagi merealisasikan visi dan misi yang digariskan, lima (5) teras strategik telah dikenalpasti iaitu :

Teras Strategik 1 : MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI


Teras Strategik 2 : MEMPERKASAKAN IMEJ KORPORAT DAN AMALAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Teras Strategik 3 : MEMPERTINGKATKAN KUALITI PEMBANGUNAN FIZIKAL

Teras Strategik 4 : MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN SECARA HOLISTIK DAN EFISIEN

Teras Strategik 5 : MEMPERTINGKATKAN PERKEMBANGAN EKONOMI SETEMPAT

Kejayaan pelaksanaan teras strategik ini didokong melalui amalan tujuh (7) nilai-nilai bersama yang sentiasa diamalkan oleh seluruh warga kerja MPAJ iaitu mesra pelanggan, berdisiplin, kerja berpasukan, integriti, kesetiaan kepada organisasi, komitmen dan profesionalisme. Pelan tindakan yang digariskan bagi menyokong setiap teras strategik diharapkan dapat memantapkan perkhidmatan teras MPAJ sekaligus meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan dalaman dan pelanggan luaran.





SEJARAH AMPANG



Sejarawan berpendapat perkataan “Ampang” bermaksud “empang” di dalam Bahasa Melayu. Nama Ampang ini diberikan oleh kaum Mandailing yang menghuni kawasan Ampang sebelum tahun 1857. Empangan yang terdapat di kawasan Ampang adalah dipercayai tinggalan pengusaha-pengusaha bijih timah yang terawal.



Pada asalnya kawasan Ampang merupakan kawasan pendalaman daerah Kelang, Selangor yang kemudiannya diterokai oleh Raja Abdullah B. Jaafar iaitu wakil sultan yang mentadbir Kelang. Penerokaan bermula apabila Raja Abdullah bersama-sama 87 orang pekerja Cina menghiril Sg. Gombak dan Sg. Kelang. Mereka merentas belantara dan menjumpai bijih timah di selatan Ampang dan mulai saat itu Ampang mulai berkembang sehinggalah membawa kepada pengasasan Kuala Lumpur pada pertengahan kurun ke 18.




Berdasarkan sejarah pada tahun 1860an, kawasan Ampang meliputi kawasan seluas 4.375km mulai dari “Circular Road” (Jalan Tun Razak), kawasan Sg. Puteh di bahagian timur, dan kawasan Sg. Kerayong di bahagian utara Bukit Belachan (Taman Rimba Ampang).


SEJARAH PENUBUHAN MPAJ

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor telah memersetujui bahawa tarikh 1 Julai 1992 sebagai tarikh perwujudan satu lagi pihak berkuasa tempatan (PBT) yang baru. Oleh yang demikian, 1 Julai 1992 adalah tarikh rasmi wujudnya Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan ia menjadi majlis perbandaran yang keempat (4) bagi Negeri Selangor Darul Ehsan.

MPAJ telah diisytiharkan sebagai Bandar Bunga Tanjung pada 16 Ogos 1993. Mengikut sejarahnya terdapat banyak pokok bunga Tanjung di kawasan Ampang di awal pembukaannya.



KEDUDUKAN DAN KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN MPAJ



MPAJ terletak di pinggir bandaraya Kuala Lumpur. Ianya bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).


MPAJ terletak di dalam dua (2) pusat pentadbiran tanah dan daerah iaitu Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat dan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak. Ia meliputi keseluruhan Mukim Ampang, keseluruhan Mukim Hulu Kelang dan sebahagian Mukim Setapak.

Keluasan kawasan pentadbiran MPAJ adalah 143.5 km².

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG


PECAHAN PENDUDUK

Jumlah penduduk di seluruh kawasan pentadbiran MPAJ dianggarkan seramai 600,000 orang dan ianya merangkumi 12.7% dari keseluruhan penduduk di Negeri Selangor.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


PECAHAN GUNA TANAH



Sumber : Data Kajian Rancangan Tempatan MPAJ



CARTA ORGANISASI MPAJ



FUNGSI DAN PERANAN MPAJ

FUNGSI

Memberi perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat di kawasan pentadbiran MPAJ merangkumi perkara-perkara berikut :

- Kawalan pembangunan;
- Kawalan perniagaan;
- Pengurusan cukai taksiran;
- Penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur serta kemudahan awam;
- Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan; dan
- Program kemasyarakatan.


PERANAN

- Memaju, menggalakkan dan mengawal pembangunan perbandaran;
- Memaju, menggalakkan dan menyelaras aktiviti ekonomi dan perniagaan;
- Memperkasakan pengurusan hasil;
- Penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur serta kemudahan awam;
- Pengurusan alam sekitar, kebersihan dan kesihatan; dan
- Pembangunan belia dan kemasyarakatan.



PUNCA KUASA

Pecahan Kategori Punca Kuasa



MPAJ

- a. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- b. Akta Perancang Bandar dan Desa (Akta 172)
- c. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- d. Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)
- e. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

MASYARAKAT

Undang-undang Kecil

- a. Taman
- b. Tandas Awam
- c. Vandalisme
- d. Pemungutan, Pembuangan & Pelupusan Sampah
- e. Tanah Perkuburan Islam
- f. Krematorium
- g. Pengendalian Makanan
- h. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)



PERNIAGAAN

Enakmen

Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1995

Undang-undang Kecil

- a. Iklan Pilihanraya 2005
- b. Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007
- c. Pusat Siber dan Kafe Siber 2007
- d. Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2007
- e. Iklan 2007
- f. Penjaja 2007
- g. Hotel 2007
- h. Kolam Renang 2007
- i. Tempat Letak Kereta Persendirian 2007
- j. Establisymen Makanan 2007
- k. Pusat Sukan Persendirian 2007
- l. Pelesenan Anjing & Rumah Pembiakan Anjing 2007

Peraturan

- a. Pusat Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1996
- b. Pusat Hiburan (Snuker dan Permainan Video) 1996

PEMBANGUNAN

Undang-undang Kecil

- a. Kerja Tanah 2005
- b. Kerja Atas Jalan 1996
- c. Bangunan Seragam Selangor 1986

Kaedah

- a. Pengawalan Perancangan Am 1996
- b. Kaedah Lembaga Rayuan 1996

STAKEHOLDER DAN PELANGGAN

PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDERS)

MPAJ

- Ahli Majlis
- Pemimpin Tempatan

KERAJAAN NEGERI

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

PELANGGAN

Penduduk

Pelawat / Pelancong

Agensi-agensi Kerajaan dan Swasta

Pemilik Kediaman / Premis Perniagaan

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Komuniti Perniagaan

Syarikat Konsesi

VISI MPAJ

Menjadikan Perbandaran Ampang Jaya Makmur dan Harmoni Menjelang 2020

KETERANGAN VISI

- Selaras dengan hasrat kerajaan memperkasakan perkhidmatan awam bertaraf dunia dengan menyediakan perkhidmatan yang proaktif, responsif dan mengikut kehendak pelanggan maka MPAJ telah menyahut cabaran melalui visinya iaitu menjadikan Perbandaran Ampang Jaya makmur dan harmoni menjelang tahun 2020.

MAKMUR

- Bermaksud "*stakeholders*" dan pelanggan menerima perkhidmatan yang berkualiti tinggi sejajar dengan usaha untuk menjadikan MPAJ sebuah PBT yang bertaraf dunia.

HARMONI

- Bermaksud penduduk Ampang Jaya tinggal dalam harmoni dan menikmati kemudahan perbandaran yang baik dan selesa.



MISI MPAJ

Menyediakan Perkhidmatan Perbandaran Yang Cepak Dan Berkualiti Bagi Memastikan Warga Ampang Jaya Menikmati Kehidupan Yang Selesa Dan Sejahtera

KETERANGAN VISI

- MPAJ akan sentiasa memastikan penduduk Ampang Jaya menerima perkhidmatan perbandaran yang terbaik melalui sistem penyampaian yang efektif di samping memperkasakan sistem pengurusan dan tadbir urus agar masyarakatnya menerima perkhidmatan yang berkualiti.
- MPAJ juga akan sentiasa meningkatkan produktiviti dan inovasi dalam menjadikannya sebuah perbandaran yang kondusif, selamat dan sejahtera untuk didiami.

MOTO MPAJ

BERBAKTI
kepada masyarakat

BERSIH
kepada alam sekitar dan pemikiran

BERBUDAYA
pekerja yang cekap, amanah dan cergas



NILAI-NILAI BERSAMA

MESRA PELANGGAN

Memberikan perkhidmatan yang cekap, berkualiti serta memastikan pelanggan menerima layanan yang mesra dan selesa sepanjang masa.

BERDISIPLIN

Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni. Melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapi dan sentiasa menjaga imej diri, organisasi, perkhidmatan dan negara di mata masyarakat.

KERJA BERPASUKAN

Mempunyai semangat kekitaan, bertolak ansur dan sifat setiakawan dan muafakat yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.

INTEGRITI

Melaksanakan amanah dan kuasa yang diberikan dengan jujur dan saksama, berkhidmat dengan penuh komitmen dan tanggungjawab serta sempurna dan utuh.

KESETIAAN KEPADA ORGANISASI

Berkhidmat dengan penuh rela dan ikhlas sepenuh hati tanpa mewujudkan sikap ingkar dan berpaling tadah kepada organisasi.

KOMITMEN

Melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan bersungguh-sungguh serta penuh keazaman tanpa mengira masa, tenaga, tempat dan tanpa mengambilkira hal-hal emosi.

PROFESIONALISME

Bertanggungjawab dalam mengambil sebarang tindakan dengan penuh kebijaksanaan dan berdedikasi.



TERAS STRATEGIK DAN CABARAN STRATEGIK

TERAS STRATEGIK 1	MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI
CABARAN STRATEGIK	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantapan semangat kerjasama sebagai satu pasukan bagi mengikis sikap “<i>silo culture</i>”.
TERAS STRATEGIK 2	MEMPERKASAKAN IMEJ KORPORAT DAN AMALAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG
CABARAN STRATEGIK	<ul style="list-style-type: none"> • Proses penjenamaan semula bagi menaikkan imej MPAJ di mata penduduk dan pelanggan. • Penyusunan semula strategi bagi amalan pematuhan undang-undang.
TERAS STRATEGIK 3	MEMPERTINGKATKAN KUALITI PEMBANGUNAN FIZIKAL
CABARAN STRATEGIK	<ul style="list-style-type: none"> • Kawalan terhadap pembangunan fizikal agar selari dengan Rancangan Tempatan (RT) MPAJ 2020.
TERAS STRATEGIK 4	MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN SECARA HOLISTIK DAN EFISIEN
CABARAN STRATEGIK	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkasakan pemberian perkhidmatan perbandaran agar kualiti hidup dan persekitaran meningkat.
TERAS STRATEGIK 5	MEMPERTINGKATKAN PERKEMBANGAN EKONOMI SETEMPAT
CABARAN STRATEGIK	<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran pembangunan usahawan dan ekonomi di kawasan pentadbiran MPAJ.



TERAS STRATEGIK

TERAS STRATEGIK 1 : MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI

Strategi :

1. Memperkasakan Hala Tuju Pelan Pengurusan Sumber Manusia
2. Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif
3. Memperkukuhkan Pengurusan Kewangan
4. Memperkasakan Aplikasi ICT Secara Bersepadu Dan Berkesan

TERAS STRATEGIK 2 : MEMPERKASAKAN IMEJ KORPORAT DAN AMALAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Strategi :

1. Memperkasakan Imej Korporat Dan Penyampaian Maklumat
2. Penjenamaan Semula Organisasi Melalui Jaringan Kerjasama Strategik
3. Memperkasakan Keberkesanan Tindakan Penguatkuasaan

TERAS STRATEGIK 3 : MEMPERTINGKATKAN KUALITI PEMBANGUNAN FIZIKAL

Strategi :

1. Mengawal Dan Menguatkuasakan Pembangunan Selaras Dengan Rancangan Tempatan (RT)
2. Mempertingkatkan Kemudahan Awam Dan Infrastruktur
3. Memantapkan Penguatkuasaan Kawalan Pembangunan
4. Meningkatkan Keindahan Bandar

TERAS STRATEGIK 4 : MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN SECARA HOLISTIK DAN EFISIEN

Strategi :

1. Meningkatkan Tahap Kebersihan Ampang Jaya
2. Mempertingkatkan Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap
3. Memperkukuhkan Kawalan Persekitaran Dan Kesihatan Awam
4. Memperkukuhkan Jaringan Komuniti

TERAS STRATEGIK 5 : MEMPERTINGKATKAN PERKEMBANGAN EKONOMI SETEMPAT

Strategi :

1. Pengurusan Aktiviti Perniagaan Secara Efisien Dan Efektif
2. Memperkasakan Usaha Penyediaan Ruang Fizikal Perniagaan Kepada Penduduk Setempat



TERAS STRATEGIK 1		MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI			
STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
1) Memperkasakan Hala Tuju Pelan Pengurusan Sumber Manusia	Memantapkan Pembangunan Organisasi	a) Penambahbaikan Struktur Organisasi dan Skim Perkhidmatan	Dua (2) kali setahun	100%	2015 - 2020
	Pembangunan Kompetensi dan Pembelajaran Berterusan	b) Program Latihan Berdasarkan Pelan Operasi Latihan (POL)	Sepanjang tahun	90 % Kakitangan menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun	2015 - 2020
	Meningkatkan Potensi dan Semangat Kakitangan	c) Menyediakan Kebajikan / Kemudahan / Kakitangan dan Keluarga	Sepanjang tahun	Peningkatan kepuasan kakitangan 5% setiap tahun	2015 - 2020
2) Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif	Meningkatkan semangat dan keseronokan bekerja di dalam organisasi	a) Meningkatkan kemudahan, fasiliti dan memantapkan sistem penyelenggaraan aset di Jabatan	Sepanjang tahun	Peningkatan kepuasan kakitangan 5% setiap tahun	2015 - 2020
	Memperkasakan kerangka pelaksanaan sistem tadbir urus	b) Program nilai - nilai murni dan positif berdasarkan Pelan Integriti Organisasi (PIO)	Penilaian prestasi kakitangan satu (1) kali setahun	85% kakitangan memperoleh markah LNPT sekurang – kurangnya 80%	2015 - 2020



TERAS STRATEGIK 1		MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI			
STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
3) Memperkukuhkan Pengurusan Kewangan	Memantapkan Kecekapan Elemen Pengurusan Kewangan	a) Pematuhan Peraturan Kewangan	Penarafan Indeks Akauntabiliti (IA)	Penarafan 4 Bintang Dalam Indeks Akauntabiliti	2015 - 2020
		b) Pelaksanaan <i>Task Force</i> Tunggakan Hasil dan Pemantauan Perbelanjaan	Sijil Bersih Penyata Kewangan		2015 - 2020
4) Memperkasakan Aplikasi ICT Secara Bersepadu Dan Berkesan	Mempertingkatkan kecekapan sistem pengurusan melalui penggunaan teknologi terkini	a) Pengintegrasian semua pangkalan data	Peningkatan kepuasan pelanggan	Peningkatan kepuasan pelanggan sebanyak 20% setiap tahun	2017
		b) Pemantapan sistem penyampaian maklumat yang dipercayai, diyakini dan mesra pengguna	Peningkatan kepuasan pelanggan		Peningkatan kepuasan pelanggan sebanyak 20% setiap tahun



TERAS STRATEGIK 2 **MEMPERKASAKAN IMEJ KORPORAT DAN AMALAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG**

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
1) Memperkasakan Imej Korporat Dan Penyampaian Maklumat	Memaksimumkan kepuasan pelanggan	a) Membangunkan Pelan Promosi dan Seranta	Pelan Promosi dan Seranta	Pelan Promosi dan Seranta Siap 100%	2016
		b) Pelaksanaan dan Pembudayaan Pelan Promosi dan Seranta	Indeks Persepsi Pelanggan	80% Pelanggan berpandangan positif terhadap MPAJ menjelang tahun 2020	2020
	Meningkatkan Potensi dan Semangat Kakitangan	c) Penyebaran maklumat perundangan dengan berkesan	Penilaian pemahaman dan kajian soal selidik pelanggan	80% orang awam memahami berkenaan undang-undang yang digunakan berdasarkan kepada pencapaian penilaian pemahaman yang dibuat dan analisa soal selidik	2015 - 2020
		d) Meningkatkan Kempen Dan Seminar Kepada Komuniti			
	Peningkatan produk inovasi bagi peningkatan output kerja	e) Pembudayaan kualiti dan inovasi berasaskan Pelan Induk Inovasi	Penarafan Sistem Bintang - Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)	Penarafan lima (5) Bintang menjelang 2020	2020
	Peningkatan program-program pelancongan	f) Usaha-usaha pembangunan program pelancongan	Pelaksanaan program pelancongan	Pelaksanaan program pelancongan dua (2) kali dalam setahun	2015 - 2020



TERAS STRATEGIK 2		MEMPERKASAKAN IMEJ KORPORAT DAN AMALAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG			
STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
2) Penjenamaan Semula Organisasi Melalui Jaringan Kerjasama Strategik	Menjadikan organisasi MPAJ sebagai organisasi yang berdaya saing	a) Program pengukuhan imej	Peningkatan kepuasan pelanggan	Peningkatan kepuasan pelanggan sebanyak 10% setiap tahun	2015 - 2020
		b) Kerjasama strategik dengan agensi-agensi berkepentingan	Peningkatan kerjasama strategik	Peningkatan satu (1) kerjasama strategik setiap tahun	2015 - 2020
		c) Jalinan program usahasama peringkat antarabangsa	Bilangan penyertaan program / pembentangan kertas kerja	Penyertaan peringkat antarabangsa	2015 - 2020
3) Memperkasakan Keberkesanan Tindakan Penguatkuasaan	Memantapkan perkongsian maklumat dan sumber	a) Pemantauan atau operasi harian	2,000 Tindakan penguatkuasaan sepanjang tahun	90% tindakan penguatkuasaan	2015 - 2020
		b) Tindakan bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain	Enam (6) kali setahun	80 % tindakan bersepadu	2015 - 2020
		c) Mewujudkan "Task Force" bagi mengambil tindakan ke atas kompaun tertunggak	Satu (1) "Task Force"	100% tindakan bersepadu	2015 - 2020



TERAS STRATEGIK 3

MEMPERTINGKATKAN KUALITI PEMBANGUNAN FIZIKAL

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
1) Mengawal Dan Menguatkuasakan Pembangunan Selaras Dengan Rancangan Tempatan (RT)	Memastikan RT dilaksanakan dalam perancangan dan pembangunan MPAJ	a) Memastikan pengawalan pembangunan dilaksanakan secara menyeluruh	Mematuhi syarat kelulusan 100%	100%	2015 - 2020
		b) Penguatkuasaan kepada syarat kelulusan	Mematuhi MS ISO 9001:2008 atau versi terkini	Sifar "Non Confirmation Report" (NCR)	2015 - 2020
		c) Mewartakan pelbagai rezab kerajaan	Seluruh kawasan operasi MPAJ	100% diwartakan	2015 - 2017
		d) Memohon pewartaan pelbagai rezab kerajaan	Memastikan permohonan pewartaan kawasan lapang mendapat kelulusan pewartaan	80%	2018 - 2020
		e) Memantau dan memastikan kawasan rezab kerajaan tidak disalah guna atau diceroboh	Aduan pencerobohan yang minimum	Penurunan jumlah aduan pencerobohan kawasan rezab kerajaan 5% setiap tahun	2018 - 2020
		f) Menyediakan Rancangan Kawasan Khas (RKK)	Penyediaan satu (1) Rancangan Kawasan Khas (RKK)	Satu (1) Rancangan Kawasan Khas (RKK)	2015, 2017 & 2019
		g) Melaksanakan Rancangan Kawasan Khas (RKK)	Pelaksanaan Satu (1) Rancangan Kawasan Khas (RKK)		2016, 2018 & 2020



TERAS STRATEGIK 3		MEMPERTINGKATKAN KUALITI PEMBANGUNAN FIZIKAL			
STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
2) Mempertingkatkan Kemudahan Awam Dan Infrastruktur	Menyediakan rangkaian infrastruktur yang lengkap dan efisien	a) Menyediakan pelan induk kemudahan awam	Tahap kepuasan pelanggan	80%	2015
		b) Menyediakan pelan induk infrastruktur	Tahap kepuasan pelanggan	80%	2016
		c) Melaksanakan pelan induk kemudahan awam	Perlaksanaan secara berperingkat 20% setiap tahun	100%	2016 - 2020
		d) Melaksanakan pelan induk infrastruktur secara berperingkat	Perlaksanaan secara berperingkat 25% setiap tahun	100%	2017 -2020
		e) Pemantauan berkala kemudahan awam	Pelaporan dua (2) kali sebulan	100%	2016 - 2020
		f) Pemantauan berkala kemudahan infrastruktur	Pelaporan dua (2) kali sebulan	100%	2017 - 2020



TERAS STRATEGIK 3

MEMPERTINGKATKAN KUALITI PEMBANGUNAN FIZIKAL

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
3) Memantapkan Penguatkuasaan Kawalan Pembangunan	Memastikan setiap kelulusan kawalan pembangunan mematuhi syarat kelulusan	a) Semakan di tapak secara berkala dan mengambil tindakan penguatkuasaan secara bersepadu	Pematuhan syarat kelulusan	Pematuhan syarat melebihi 90% mengikut peraturan yang digunakan	2015 - 2020
		b) Penambahbaikan program / tindakan penguatkuasaan secara berterusan.	Kajian semula program dan tindakan penguatkuasaan	Kajian semula sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua (2) tahun	2016 , 2018, 2020
4) Meningkatkan Keindahan Bandar	Mewujudkan persekitaran bandar yang bersih, indah dan selamat	a) Mewujudkan pelan induk landskap keseluruhan MPAJ	Pelan Induk Landskap MPAJ	Pelan Induk Landskap Siap 100%	2016
		b) Melaksanakan pelan induk landskap MPAJ	Peratus pelaksanaan	30% (Tahun 2020)	2017 - 2027
		c) Mempertingkatkan program pengindahan bandar dan kesedaran masyarakat	Melaksanakan program kesedaran dua (2) kali setahun	100%	2017 - 2020



TERAS STRATEGIK 4		MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN SECARA HOLISTIK DAN EFISIEN			
STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
1) Meningkatkan Tahap Kebersihan Ampang Jaya	Meningkatkan prestasi pembersihan awam dan sisa pepejal Ampang Jaya secara komprehensif	a) Memperkasakan pelan induk pembersihan dan kutipan sisa pepejal dalam memastikan pengawasan pembersihan dipertingkatkan	i) Peratusan pelaksanaan pelan induk ii) Peratusan aktiviti pengawasan	80% 100%	2015
		b) Memperkukuhkan sistem jadual kerja kutipan sampah secara berkomputer dan dalam talian	Peratusan pengeluaran Nota Pemberitahuan (NP), <i>Notice To Correct</i> (NTC) and <i>Notice To Backup</i> (NTB)	80%	2015
		c) Kempen kesedaran 3R dan kompos kepada warga MPAJ	Peratus pelaksanaan kempen	80%	2015 - 2020
		d) Memantapkan tindakan penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang yang berkaitan dengan kebersihan kepada kontraktor dan warga Ampang Jaya	Notis atau kompaun kepada warga Ampang Jaya	100%	2015 - 2020
		e) Membentuk modul penilaian pengawasan risiko yang sistematik bagi kawasan-kawasan tumpuan awam dalam memastikan kecekapan kawalan vektor serta pencegahan wabak penyakit berjangkit	Tiga (3) kawasan tumpuan awam yang bermodul	100%	2016



TERAS STRATEGIK 4 **MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN SECARA HOLISTIK DAN EFISIEN**

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
2) Mempertingkatkan Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap	Memperindahkan kawasan Ampang Jaya ke tahap yang lebih tersusun	a) Mewujudkan sistem jadual penyelenggaraan pokok yang sistematik	Peratusan analisa keberkesanan penyelenggaraan	80%	2015 - 2016
		b) Meningkatkan program kejiranan hijau dan program pengindahan bandar yang melibatkan penduduk Ampang Jaya	Peratusan program berkaitan dilaksanakan	Peningkatan 10% setiap tahun	2015 - 2020
		c) Pembangunan pangkalan data landskap	Bilangan data landskap yang direkodkan	100%	2016
		d) Pembangunan risalah landskap bagi menyediakan garis panduan berkenaan penyelenggaraan landskap	Penyediaan risalah garis panduan berkenaan penyelenggaraan landskap MPAJ	Risalah garis panduan berkenaan penyelenggaraan landskap MPAJ (100%)	2018



TERAS STRATEGIK 4		MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN SECARA HOLISTIK DAN EFISIEN			
STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
3) Memperkukuhkan Kawalan Persekitaran Dan Kesihatan Awam	Menaiktaraf kualiti persekitaran agar lebih bersih dan indah bagi meningkatkan kualiti kesihatan warga Ampang Jaya	a) Membentuk modul penilaian pengawasan risiko yang sistematik bagi kawasan-kawasan tumpuan awam dalam memastikan kecekapan kawalan vektor serta pencegahan wabak penyakit berjangkit	Bilangan kawasan tumpuan awam yang bermodul	Empat (4) kawasan tumpuan awam yang bermodul	2020
		b) Mewujudkan pasukan COMBI yang aktif beroperasi dengan lebih komprehensif dalam meliputi pelbagai aspek seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> • pencegahan penyakit berjangkit; • pencegahan kejadian wabak; • etika pemeliharaan binatang secara sihat; dan • etika penyediaan dan pemilihan makanan sihat 	Jumlah pasukan COMBI yang aktif	80%	2017
		c) Memperkasakan pemeriksaan premis makan dan pemantauan secara berkala	Peningkatan peratusan premis makanan Gred A	Peningkatan 10% setiap tahun	2015 - 2020
		d) Memastikan aktiviti industri sedia ada mematuhi garis panduan pelepasan efluen	Bilangan aktiviti industri yang mematuhi garis panduan pelepasan efluen	100%	2020



TERAS STRATEGIK 4 **MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN SECARA HOLISTIK DAN EFISIEN**

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
3) Memperkukuhkan Kawalan Persekitaran Dan Kesihatan Awam	Menaiktaraf-kualiti persekitaran agar lebih bersih dan indah bagi meningkatkan kualiti kesihatan warga Ampang Jaya	e) Membina perangkap sampah berbentuk "gross screen" di semua parit akhir memasuki parit utama dan sungai	Bilangan perangkap sampah	100%	2020
4) Memperkukuhkan Jaringan Komuniti	Membina hubungan kerjasama yang erat dengan "stake holder" dalam melaksanakan segala program kemasyarakatan	a) Mewujudkan pelan tindakan program kemasyarakatan dalam menggalakkan penglibatan dan kesedaran komuniti	Peratusan pelaksanaan pelan tindakan program kemasyarakatan	80%	2015 - 2016
		b) Mewajibkan setiap Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan PeBT MPAJ mengadakan program berbentuk kesedaran masyarakat	Peratusan pelaksanaan program berbentuk kesedaran	30% (Daripada jumlah keseluruhan yang dilaksanakan oleh JKP dan PeBT)	2015 - 2020
		c) Melaksanakan program sejajar dengan "Local Agenda 21"	Jumlah program berbentuk "Local Agenda 21"	Peningkatan 10% setiap tahun	2015 - 2020



TERAS STRATEGIK 5 **MEMPERTINGKATKAN PERKEMBANGAN EKONOMI SETEMPAT**

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN
1) Pengurusan Aktiviti Perniagaan Secara Efisien Dan Efektif	Menjadi salah satu pemangkin kepada perkembangan ekonomi penduduk setempat	a) Melesenkan semua aktiviti perniagaan yang mematuhi undang-undang	Peratus aktiviti perniagaan yang berlesen	90%	2020
		b) Semakan semula terhadap kadar sewa dan tempoh sewaan gerai-gerai MPAJ	Tempoh julat semakan kadar sewa	Semakan kadar sewa dua (2) tahun sekali	2016, 2018, 2020
		c) Memantapkan sistem pelan penstrukturan lokasi / jenis papan iklan luaran di seluruh Ampang Jaya untuk memudahkan proses permohonan papan iklan luaran	Permohonan papan iklan luaran diluluskan mengikut zon	100% permohonan diluluskan mengikut zon	2018
2) Memperkasakan Usaha Penyediaan Ruang Fizikal Perniagaan Kepada Penduduk Setempat	Menyediakan ruang dan peluang kepada penduduk Ampang Jaya bagi mempertingkatkan ekonomi diri dan taraf hidup	a) Kajian penyediaan pelan tindakan bagi kompleks membeli-belah yang tidak aktif di kawasan Ampang Jaya	Bilangan kompleks membeli-belah yang berjaya diaktifkan semula	Penyediaan satu (1) pelan tindakan bagi satu (1) kompleks membeli belah setiap dua (2) tahun	2016, 2018, 2020
		b) Pelaksanaan pelan tindakan transformasi pusat membeli belah yang tidak aktif	Pematuhan ke atas pelan tindakan	100% pematuhan ke atas pelan tindakan	2016, 2018, 2020
		c) Pembangunan Pelan Tindakan Ruang Fizikal Penjaja atau Peniaga: • Pasar Basah atau Kering • Gerai MPAJ, UPEN, MARA atau BOT • Kiosk MPAJ	Penyediaan pelan tindakan ruang fizikal penjaja atau peniaga dengan unjuran jangka panjang	100% siap	2016
		d) Pelaksanaan Pelan Tindakan Ruang Fizikal Penjaja atau Peniaga	Peratus pelaksanaan pelan tindakan	80% pelaksanaan	2016 - 2020



PELAKSANAAN PROGRAM STRATEGIK DI MPAJ

Pelaksanaan Program Strategik di MPAJ

- Melaksanakan program kesedaran pengurusan strategik dan promosi di peringkat pengurusan atasan dan warga MPAJ melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kegemilangan Pengurusan Inovasi MPAJ, aplikasi MPAJ Intranet System (MIST), seminar dan “road show” daripada jabatan ke jabatan.
- Promosi kepada pelanggan luaran melalui laman sesawang rasmi MPAJ dan pendedaran risalah.
- Status pencapaian pelaksanaan pelan strategik disalur dan dihebahkan melalui laman sesawang MPAJ dan laman sosial (Facebook , Twitter dan lain-lain).
- Memastikan setiap jabatan membangunkan perancangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Jabatan sejajar dengan Pelan Strategik MPAJ sebagai panduan kepada pelaksanaan program-program jabatan.
- Membangunkan pelan operasi dan jadual pelaksanaan yang terperinci terhadap setiap strategi dan program.

PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI PROGRAM STRATEGIK DI MPAJ

Pemantauan & Pengukuran Prestasi Program Strategik di MPAJ

- Jawatankuasa Kegemilangan Inovasi MPAJ yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua yang akan bersidang setiap enam (6) bulan.
- Jawatankuasa Kerja Kegemilangan Inovasi peringkat jabatan.
- Pencapaian Kunci Petunjuk Prestasi (KPI) bagi setiap program akan dilaporkan dalam dua (2) peringkat mesyuarat iaitu Jawatankuasa Kegemilangan Inovasi MPAJ dan Jawatankuasa Kerja Kegemilangan Inovasi Jabatan. Laporan pencapaian setiap program di bawah strategi-strategi akan diberi perhatian dalam mesyuarat di kedua-dua peringkat berkenaan.
- Jawatankuasa Kerja akan memberi perhatian kepada program yang signifikan kepada pencapaian strategi untuk melaksanakan kajian impak mengikut keutamaan.
- Pengarah setiap jabatan bertanggungjawab memantau pencapaian dan keberkesanan pelaksanaan program.



PENILAIAN PROGRAM STRATEGIK DI MPAJ

Penilaian Program Strategik di MPAJ

- Penilaian dan semakan semula Pelan Strategik MPAJ 2015 - 2020 akan diadakan di pertengahan tempoh pelan bagi melihat dan mengkaji semula butiran program mengikut kesesuaian perubahan atau arahan semasa.
- Jawatankuasa Kerja Kegemilangan Pengurusan Inovasi akan membentuk *taskforce* bagi mana-mana program yang tidak mencapai sasaran untuk mengkaji punca dan langkah penyelesaian.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

Menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terunggul di Selangor khususnya dan Malaysia amnya dalam pengurusan dan pentadbiran;

Pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan berkesan serta dijadikan penandaaras dan pusat rujukan di peringkat nasional dan antarabangsa;

Penyediaan semua perkhidmatan teras dan sokongan secara dalam talian;

Memperkasakan pengurusan hasil selain memajukan, menggalakkan dan menyelaraskan aktiviti ekonomi dan perniagaan; dan

Memantapkan pengurusan alam sekitar, kebersihan dan kesihatan.

PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan harapan rakyat serta masyarakat yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik MPAJ 2015 - 2020 telah menggariskan beberapa teras strategik dan menyediakan strategi serta tindakan atau program yang perlu dilaksanakan dalam usaha merealisasikan visi, misi dan objektif MPAJ.

Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang disasarkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan penunjuk yang ditetapkan.

Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.





NOTA

A series of horizontal lines provided for taking notes, spanning most of the page's width.

